

[**CONFUSION ON THE CONCEPTION OF NATURE IN THE WORLDVIEW OF THE WEST: AN OVERVIEW ON AL-ATTAS' WORK, ISLAM AND SECULARISM**]

**KEKELIRUAN FAHAM ALAM DALAM PANDANGAN ALAM BARAT:
TINJAUAN KARYA "ISLAM AND SECULARISM" KARANGAN SYED
MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS**

MIOR MUHAMMAD SYAHIR BIN ZAHARI

Email: miortherider@gmail.com

Received: 25th February 2024

Accepted: 19th March 2024

Published: 1st June 2024

ABSTRACT

Cosmology had been discussed by great figures from various timeline and thought. Nowadays, the research on cosmology is progressing and one of the prominent researchers in this area is the West. However, along with the research progress, the corruption on nature is increasing. This is because the West had been through secularization as "a philosophical program". The objective of this article is to identify the forms of confusions on cosmology based on the Worldview of the West through analysis on the research about the history of conception on nature in the Western intellectual tradition by contemporary Muslim scholars. Syed Muhammad Naquib al-Attas is the Muslim scholar that was emphasized on. There were three forms of confusions on the cosmology based on the Worldview of the West founded. These confusions are the product of secularization as a philosophical program".

Keywords: *Cosmology, Worldview of the West, Secular, Syed Muhammad Naquib al-Attas*

ABSTRAK

Faham alam (*cosmology*) telah dibahaskan oleh ramai tokoh daripada latar zaman dan pemikiran yang pelbagai. Dewasa kini, kemajuan kajian tentang alam semakin maju dan antara pihak yang terkehadapan dalam kajian tentang alam ini adalah dari Barat. Namun, seiring dengan kemajuan kajian tentang alam, kerosakan alam juga meningkat naik. Hal ini kerana Barat itu sendiri telah melalui proses pensekularan sebagai "suatu rancangan falsafah" (*secularization as a philosophical program*). Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk kekeliruan faham alam dalam Pandangan Alam Barat melalui kaedah analisis kajian-kajian oleh sarjana Muslim semasa terhadap sejarah faham alam dalam tradisi keilmuan Barat. Sarjana Muslim yang diberi tumpuan iaitu Syed Muhammad Naquib al-Attas. Didapati terdapat tiga bentuk kekeliruan faham alam dalam pandangan alam Barat. Kekeliruan ini berlaku hasil daripada pensekularan sebagai "suatu rancangan falsafah".

Kata kunci: Faham Alam (*Cosmology*), Pandangan Alam Barat, Sekular, Syed Muhammad Naquib al-Attas

PENDAHULUAN

Kosmologi adalah salah satu bidang falsafah yang mengkaji asal usul, proses dan struktur alam semesta.¹ Kosmologi telah dibahaskan sejak zaman Yunani purba sehingga kini. Dewasa ini, perbahasan kosmologi masih lagi berkembang tetapi dengan pendekatan yang bersifat santifik-sekularistik khususnya di Barat. Kajian kosmologi kini didominasi oleh Barat dan pendekatan sains mereka yang disebut sebagai Sains Barat atau Sains Moden itu berakar umbikan falsafah sekular.

Perkara ini dapat diteliti bagaimana kosmologi (‘*ālam*) dikaji dengan cermat dan teliti secara empirikal (*empirically*), tetapi unsur-unsur kerohanian (*metaphysic*) telah dipisahkan atau dinafikan oleh mereka. Tanpa dinafikan masih terdapat beberapa pengkaji di Barat yang tidak memisahkan antara alam fizik dan metafizik, kita perlu akui secara umumnya, di Barat kini telah didominasi oleh falsafah sekular. Meskipun pendekatan kosmologi fizik-metafizik masih ada, pendekatan yang dibawa dan difahami adalah salah dan keliru. Permasalahan ini juga tidak terlepas juga ditimpa oleh umat Islam.

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk kekeliruan faham alam menurut Barat. Karya ilmuwan Islam tentang kosmologi atau faham alam dikaji dan dianalisis. Sarjana Islam yang diberi tumpuan adalah Syed Muhammad Naquib al-Attas dan karyanya *Islam and Secularism*.

PERBAHASAN KOSMOLOGI DALAM TRADISI INTELEKTUAL BARAT DAN TRADISI KEILMUWAN ISLAM

Kosmologi merupakan ilmu yang membincangkan asal-usul alam semesta, struktur alam dan pengakhiran alam. Kosmos (*cosmos*) berasal daripada bahasa Greek yang bermaksud *alam semesta yang teratur*, manakala logi (*logos*) bermaksud *penyelidikan atau asas-asas rasional*.² Kosmologi (*cosmology*) juga dikenali sebagai *Philosophy of Nature* (Falsafah Alam Semesta).³ Kosmologi mencakupi perbahasan tentang alam pada sudut penciptaan alam (*kawniyyah*); kewujudan alam (*ontological*), tabi’at alam (*law of nature; sunnat al-Allah*), komponen-komponen alam (*juzu*), dan kedudukan alam (*marātib*). Kosmologi merupakan salah satu cabang dalam perbahasan falsafah. Dalam konteks perbahasan falsafah, selain dikenali sebagai falsafah alam semesta, kosmologi juga dikenali sebagai falsafah alam tabi’i. Kosmologi mempunyai sejarah perbahasan yang panjang.

Catatan atau rekod sejarah menunjukkan kosmologi telah dibincangkan seawal di zaman Yunani purba oleh Thales (624 – 550 SM) yang mendakwa asal usul kejadian alam adalah daripada air. Perdebatan berterusan dengan dakwaan lain oleh ahli-ahli falsafah

¹ Kamus Dewan Edisi Ke-4. 2019. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 825

² Aminuddin Ruskam. 1999. *Konsep Kosmologi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

³ Joko Siswanto. 2005. *Orientasi Kosmologi*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press. Hlm. 1.

sezaman dan zaman selepas Thales. Antaranya adalah Anaximenes⁴, Heraclitus⁵ dan Pythagoras^{6,7}. Perbahasan kosmologi diteruskan lagi selepas itu oleh para ahli falsafah sehinggalah kepada penurunan wahyu kepada Nabi Muhammad (saw). Jika diteliti, terdapat banyak ayat-ayat al-Quran tentang kosmologi pada sudut peranan dan asal-usul penciptaannya.⁸ Perbahasan kosmologi diteruskan dan dikembangkan lagi dalam tamadun masing-masing berdasarkan pandangan alam atau *Weltanschauung* masing-masing.

Secara mudahnya, perbahasan kosmologi boleh dibahagikan kepada dua tempoh (*period*) iaitu sebelum tanzil al-Quran (penurunan wahyu) dan selepas tanzil al-Quran. Sebelum tanzil al-Quran, perbahasan kosmologi dapat diamati pada karya-karya dan perbahasan oleh ahli falsafah contohnya Plato dan Aristotle. Perbahasan kosmologi juga dapat diamati dalam tradisi agama-agama lain, kebudayaan, dan kepercayaan yang telah ada sebelum penurunan wahyu kepada Nabi Muhammad (saw) misalnya dalam agama Hindu, Zoroaster, dan Buddha. Selepas tanzil al-Quran, yang pertama mulanya membahaskan tentang kosmologi (*'ālam*) adalah Baginda Muhammad (saw) berdasarkan wahyu al-Quran dan al-Hadith Baginda (saw), diikuti oleh para sahabat, tabi'in, dan seterusnya. Perbahasan kosmologi selepas tanzil al-Quran terus berkembang sehingga kini daripada perbahasan yang umum kepada perbahasan yang khusus.

Dalam tradisi keilmuan Islam, kosmologi telah dibahaskan dalam beberapa jenis aliran. Hal ini bertepatan dengan adanya aliran-aliran (*schools*) pelbagai yang terdapat dalam tradisi keilmuan Islam. Menurut al-Attas, aliran-aliran yang mewakili pemikiran Islam adalah mutakallimūn (*theologians*), hukama (*philosophers*) dan ahli sufi (*metaphysicians*).⁹ Jika diteliti, setiap aliran ini mempunyai cara-gaya serta pendekatan yang tersendiri dalam perbahasan masing-masing.

KOSMOLOGI MENURUT PANDANGAN ALAM ISLAM

Sesuatu pandangan alam itu didasari oleh beberapa perkara antaranya sistem ilmu (*epistemology*) dan bahasa. Sepertimana yang sedia maklum, sumber yang menjadi asas pandangan alam Islam adalah al-Quran dan al-Sunnah. Pada bahagian ini, penulis memberi tumpuan kepada kupasan oleh dua orang sarjana Islam iaitu Osman Bakar dan Syed Muhammad Naquib al-Attas.

⁴ Beliau mendakwa asal-usul atau awal kejadian alam adalah udara (*al-hawā'*; air)

⁵ Beliau mendakwa asal-usul atau awal kejadian alam adalah api (*al-nār*)

⁶ Beliau mendakwa asal-usul atau awal kejadian alam adalah nombor (*al-'adad*).

⁷ Muhammad Bayshar. 1973. *al-Falsafah al-Yunāniyyah: Muqaddimāt wa Mazāhib*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani. Hlm. 54 – 61 dan Bertrand Russell. 1945. *The History of Western Philosophy*. New York: Simon and Schuster. Hlm. 28, 35 & 43.

⁸ Sila rujuk Osman Bakar. 2016. *Qur'anic Pictures of the Universe: The Scriptural Foundations of Islamic Cosmology*. Selangor: Islamic Book Trust.

⁹ al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2014. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press. Hlm. 3

PERBAHASAN ALAM DALAM AL-QURAN

Secara umumnya berdasarkan definisi para pemikir Islam, alam itu adalah sesuatu yang selain Allah (*ma siwa Allah*).¹⁰ Namun, alam telah didefinisikan oleh pelbagai individu dan pihak. Definisi alam yang terdapat dalam al-Quran tidaklah dinyatakan secara langsung atau jelas. Tetapi dengan hasil renungan dan berfikir ke atas ayat-ayat al-Quran yang merujuk kepada alam, maka beberapa kefahaman dan makna tentang alam dapat dikenal pasti.

Dalam usaha mengenal pasti definisi alam dalam al-Quran, terlebih dahulu perlu kita mengenal pasti terma yang digunakan dalam al-Quran yang merujuk kepada alam. Terma yang dimaksudkan di sini bukan merujuk kepada jenis makhluk yang khusus misalnya bumi (*al-ard*), langit (*al-samawāt*), manusia (*al-nās*) atau gunung (*al-jabl*), tetapi merujuk kepada maksud alam yang umum. Pada sudut termonologi dalam al-Quran, terdapat tiga terma yang menunjukkan kepada alam iaitu:

a) *al-‘ālam*

Terma *al-‘ālam* dalam al-Quran yang digunakan adalah bukan dalam lafaz mufrad tetapi *jama’* iaitu *al-‘ālamīn*. Penggunaan lafaz *jama’* ini menunjukkan *‘ālam* ini sifatnya tidak tunggal tetapi berbilang atau banyak atau pelbagai dalam sistem kewujudan. Huraian tentang kepelbagaian alam ini dapat diteliti dalam kupasan-kupasan ahli metafizik Islam misalnya Imam al-Ghazali dan Ibn ‘Arabi.

Melalui terma ini, hubungan metafizik Allah SWT dengan alam (*cosmos*) dapat difahami melalui frasa *rabb al-‘ālamīn* yang banyak terdapat dalam al-Quran.¹¹ Contohnya dalam firman Allah SWT:

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۚ

Maksudnya: “Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam”. (Surah al-Fatihah, 1:2)

b) *al-khalq*

Terma *khalq* membawa pelbagai makna. Walaubagaimanapun, makna *khalq* yang paling dominan merujuk kepada ciptaan (*creation*).

Secara etimologinya, perkataan *khalq* berakar daripada perkataan *khalāqa*. Salah satu perkataan yang terbit daripada *khalāqa* itu pula adalah *khāliq*. Hubungan metafizik Allah SWT dengan alam dapat direnung pada hubungan semantik perkataan *khāliq-khalq* ini. Salah satu daripada *Asma’ al-Husna* adalah *al-Khāliq* dan nama *al-Khāliq* terdapat pada 12 tempat dalam al-Quran.

¹⁰ Osman Bakar. 2016. *Qur’anic Pictures of The Universe*. Petaling Jaya: Islamic Book Trust. Hlm. 7

¹¹ Ibid., Hlm 8-10.

Hubungan metafizik Tuhan-makhluk ini dapat dirumuskan dalam istilah *Khāliq al-khalq*. Kosmos yang difahami melalui perkataan *khalq* ini membawa faham kepada kita akan adanya Pencipta (*al-Khāliq*) kepada kosmos itu sendiri (*khalq*).¹²

c) *al-kawn*

Terma *al-kawn* ini adalah daripada kata akar kana yang membawa maksud adalah (*to be*) dan kewujudan akan sesuatu itu (*to exist*). Daripada akar kana ini terbit perkataan *ka'in* yang membawa maksud kejadian (*being*) atau kewujudan (*existence*).

Perkataan *al-kawn* itu sendiri tidaklah terdapat dalam al-Quran. Walaubagaimanapun, bentuk kata kerja *al-kawn* itu terdapat pada 1358 tempat dalam al-Quran. Daripada 1358 ini, lapan daripadanya merupakan perkataan *kun* (jadilah) yang merujuk kepada perintah Allah SWT.

Perkataan *kun* memberi faham kepada kita akan kewujudan hubungan metafizik antara yang dijadikan (alam) dan Yang Menjadikan (Allah SWT) kerana perintah *kun* itu adalah daripada Allah SWT ditujukan kepada segala kejadian yang dikehendakiNya.¹³

PENDEKATAN SEMANTIK PADA PERKATAAN ALAM-TABI'AT-KHALQ

Antara pendekatan al-Attas dalam menghuraikan faham alam menurut pandangan alam Islam adalah pendekatan semantic melalui tiga kata kunci iaitu:

- i. *'ālam* (daripada 'ALM)
- ii. *khalq* (daripada KHLQ)
- iii. *ṭabī'at* (daripada ṬB'A)

Melaui tiga kata-kata ini, al-Attas menghuraikan makna yang berkaitan dengan setiap satunya hasil daripada merujuk kepada kata akarnya serta kata-kata lain yang terbit daripada kata akar tersebut. Jalinan maknawi antara ketiga-tiga kata itu juga telah dihuraikan oleh al-Attas. Beliau menghuraikan tentang perkataan *'ālam* seperti berikut:

“perkataan *alam*: maka perkataan ini berasal pada akar-kata 'ALM, yang juga merupakan akar bagi perkataan *ilmu*. Meskipun para ahli bahasa Arab tahu bahawa istilah *alam* itu terbentuk dari perkataan *alamat*, namun demikian perkataan *alamat* itu sendiri berakar pada kata-akar 'ALM jua. Dan ma'na *alamat* merujuk kepada *tanda*, atau *ciri*, atau *bekas* yang *memberi tahu* tentang sifat yang meninggalkan bekas itu; dan dari itu maka nyatalah faham bahawa *alam* itu *tanda*, atau *ciri* atau *bekas* yang memberitahu tentang perkara yang dirujuk oleh *tanda* dan *ciri* dan *bekas* itu sehingga yang dirujuknya menjadi nyata *ketahuan*”.¹⁴

¹² Ibid., Hlm. 10 & 17.

¹³ Osman Bakar. 2016. *Qur'anic Pictures of The Universe*. Petaling Jaya: Islamic Book Trust. Hlm. 14-15 & 18. Data-data *numerical* perkataan dalam al-Quran adalah dirujuk pada <http://corpus.quran.com/>

¹⁴ al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2019. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Ta'dib International. Hlm. 105-106

Jalinan maknawi antara kata kunci *'alam-khalq* yang diperjelaskan oleh al-Attas:

“... *alam* merupakan tanda yang menandakan Khaliqnya, ya’ni yang dengannya Khaliq jadi nyata ketahuan. Sebab itulah jua maka alam itu digelar *al-khalq*, ya’ni Kejadian Semesta yang dijadikan oleh Khaliq, dan yang bermaksud pada segala jenis makhluk pada keseluruhannya. Perkaitan ma’nawi dengan perkataan *khalq* merumpunkan faham alam itu dengan faham *Khāliq* dan *makhlūq* dan *akhlāq*, yang semuanya berakar pada kata KHLQ, yang bermaksud: ‘memberikan kepada sesuatu sukatan yang tepat, atau ukuran yang sempurna baginya’¹⁵ – ya’ni bagi sifat asali atau bawaan yang sedia ada padanya. Jadi kita dari ini bahawa Allāh, Subhānahu wa Ta’ālā, menjadikan (*khalaqa*) sesuatu itu dengan memberikan sukatan serta pertimbangan yang tepat yang sesuai dengan bawaan sesuatu yang dijadikan itu. Perkaitan ma’nawi antara faham *alam* dan faham *khalq* itu menjelaskan bahawa kejadian makhluk semesta yang merupakan alam ini berdasarkan pemberian sukatan serta pertimbangan yang tepat yang sesuai dengan sifat bawaan yang dijadikan. Dan keadaan ini mengaitkan maksudnya sehingga merujuk semula kepada faham *ilmu*, sebab ilmulah yang berkuatkuasa memberitahu tentang sukatan serta pertimbangan yang tepat serta sesuai itu.”¹⁶

Beliau juga menghuraikan jalinan maknawi *alam-khalq* dengan kata *ṭabī’at*:

“Maka alam ini tiada jadi dijadikan dengan sewenang-wenang; sanya sesungguhnya dia akibat rencana Ilmu Yang menjadikannya, yang Mahatahu menetap serta meletakkan tiap sesuatu yang dijadikanNya itu tepat pada tempatnya masing-masing – pada sifatnya dan bawaannya dan *tabiatnya*. Dengan ini maka harus tertilik oleh pandangan akali betapa faham yang baharu disebut itu merujuk kepada faham *keadilan*, bermaksud pada *hikmat* dan *hukum* yang mengenakan pertimbangan serta penyukatan yang sempurna sesuai bagi sifat tiap sesuatu nescaya dia berada tepat pada tempatnya. Tadi kusebut perkataan *tabiat*; dan perkataan itu berakar pada kata TB’A, yang merujuk kepada *pengetapan*, ya’ni penerapan cap pada sesuatu sehingga cap itu menetapkan sifat bawaannya. Maka tiap-tiap makhluk telah diterapkan dengan capnya masing-masing yang menentukan sifat bawaannya; dan dari itu jugalah maka kejadian semesta – alam ini pada keseluruhannya – digelar dengan nama *tabiat*. Dan istilah *tabiat*, berbeza dengan *nature* – yang difahamkan sebagai menyamari Khaliq dan menafikan adanya Khaliq selain daripada *nature* itu sendiri, yang memahamkan bahawa alam tabii ini jadi dengan sendirinya. Istilah *tabiat* pula sebaliknya membayangkan adanya Khaliq yang menjadikan *tabiat* itu sendiri”.¹⁷

¹⁵ Dalam al-Quran, tentang segala kejadian mempunyai qadar (ukuran) tertentu yang telah ditetapkan, firman Allah SWT terjemahannya: “Dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan di sisiNya dengan kadar tertentu (*bimiqdār*)”, (13:8).

¹⁶ al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2019. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Ta’dib International. Hlm 106-107

¹⁷ al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2019. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Ta’dib International. Hlm. 107

KOSMOLOGI DALAM PANDANGAN ALAM BARAT

Kosmologi atau faham alam dalam kerangka pandangan alam Barat mempunyai pelbagai dimensi dan ideologi. Faham alam berdasarkan pandangan alam di Barat pada bahagian ini adalah hasil pemerhatian ke atas tulisan Syed Muhammad Naquib al-Attas khususnya *Islam and Secularism*.

SEJARAH PENGOSONGAN MA'NA ROHANIAH DARIPADA ALAM TABII DI BARAT

Sebelum datangnya Kristian, di zaman Olimpian Dunia Lama (*Olympian age of Antiquity*), alam tabii tidaklah terpisah daripada tuhan-tuhan dan dewa-dewa. Perkara ini dapat diperhatikan pada mitologi-mitologi Yunani yang memperkaitkan alam dengan dewa-dewa misalnya Zeus sebagai dewa langit dan Poseiden sebagai dewa laut. Antara prinsip yang dicari dan dipegang oleh ahli falsafah di zaman itu tentang asal-usul atau pemula (*beginning or the first cause*) yang mereka panggil sebagai *arche*, sejenis unsur kerohanian (*spiritual substance*) yang menjadi asas bagi segala realiti.

Namun, kemunduran dan keterbelakangan (*degeneration and decadence*) tradisi keagamaan mulai berlaku di kalangan kaum Yunani lalu mengakibatkan tuhan-tuhan dan dewa-dewa secara beransur-ansur dihapuskan daripada alam tabii, kemudiannya menyebabkan alam tabii itu kosong daripada makna rohaniah.

Falsafah dan kosmologi Yunani, yang pada awalnya dikuasai oleh kekuatan kerohanian sebagai pentadbir dan pemelihara alam, telah berubah menjadi semakin cenderung untuk menguraikan alam tabii dalam istilah-istilah yang bersifat sangat lahiriah dan rasional semata-samata. Perubahan ini dijelaskan oleh al-Attas:

“...Greek philosophy was transformed from the symbolic interpretation of nature to become more and more concerned with explaining nature in plain naturalistic and purely rational terms reducing its origin and reality to mere natural causes and forces”.¹⁸ (... falsafah Yunani mengalami perubahan daripada tafsiran simbolik tentang alam menjadi lebih berupa penjelasan alamiah biasa dan rasional murni, dengan menurunkan asal-usul realiti alam menjadi hanya sekadar sebab-sebab alami dan kekuatan-kekuatan alami belaka.)¹⁹

Faham rational dan natural ini adalah hasil daripada idea-idea Aristotle yang diperkenalkan kepada pandangan hidup Kerajaan Romawi (*Roman Empire*) lalu memberi kesan kepada pandangan alam Barat itu sendiri. Perkenalan falsafah Yunani Aristotle ini berlaku sebelum datangnya agama Kristian.

¹⁸ al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2014. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: IBFIM. Hlm. 33

¹⁹ Terjemahan dalam al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2020. *Islam dan Secularisme, terjemahan Khalif Muammar A. Harris*. Kuala Lumpur: RZS-CASIS & HAKIM. Hlm. 50.

Kemudiannya, setelah Kristian merumus dan memantapkan kedudukan sebagai agama rasmi bagi Kerajaan Romawi dan Barat, Kerajaan Alam Tabii (*Kingdom of Nature*) diperendah-rendahkan dan diabaikan perenungan serta pemikiran bersungguh-sungguh kepadanya oleh Kristian. Perkara sebaliknya berlaku kepada Kerajaan Tuhan (*Kingdom of God*). Perkara ini berlaku kerana pengaruh yang didakwa oleh al-Attas:

“*Christianity itself came under the influence of this naturalistic portrayal of nature devoid of symbolic significance, and reacted to this influence by demeaning the Kingdom of Nature...*”²⁰ (Kristian sendiri berada di bawah pengaruh gambaran naturalistik tentang alam tabii yang tidak memiliki ma'na simbolik ini, dan bereaksi terhadap pengaruh ini dengan merendahkan Kerajaan Alam...)²¹

Dakwaan akan tiadanya hubungan antara Kerajaan Tuhan dan Kerajaan Alam Tabii juga merupakan salah satu reaksi Kristian hasil pengaruh *naturalistic portrayal of nature* ini. Mereka beranggapan hubungan yang berlaku antara Kerajaan Tuhan-Kerajaan Alam Tabii ini secara logiknya (*logically*) hanyalah sesuatu yang *supernatural*.

Falsafah dan kosmologi Yunani yang mengutamakan akal-fikiran ini telah diberikan reaksi oleh Kristian dengan cara penindasan kepada peranan akal-fikiran. Kesannya, teologi Barat mensabitkan peranan sains oleh pemikiran yang berfungsi hanya dalam alam tabii yang kosong daripada makna-makna rohaniyyah dan menurut logika tabiiyyahnya sendiri untuk mendapatkan kesimpulan terakhir.

Akibatnya, alam tabii ditanggapi hanya sebagai objek kebendaan dan jasmaniah yang tidak mempunyai sebarang hubungan dengan hakikat dan kebenaran rohaniah sebagai dasarnya. Oleh itu, alam tabii ditolak sebagai tidak bermanfaat oleh Kristian dalam usaha untuk mencapai alam kerohanian. Selain itu, alam tabii juga dianggap bahaya oleh Kristian kepada usaha-usaha kerohanian mereka.

Falsafah dan teologi rasional (*purely rational theology*) Barat ini telah membawa rasa syak mengenai kewujudan. Selain itu, faham ini juga telah menjadi asas bagi pembangunan pengetahuan sains yang menafikan makna rohaniah alam dan insan.²²

²⁰ al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2014. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: IBFIM. Hlm 33.

²¹ Terjemahan dalam al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2020. *Islam dan Secularisme, terjemahan Khalif Muammar A. Harris*. Kuala Lumpur: RZS-CASIS & HAKIM. Hlm. 51.

²² al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2014. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: IBFIM. Hlm. 33-34 dan Mohd. Sani Badron. 1997. *Islam dan Sekularisme* (dalam al-Hikmah, Bil. 1 (3) 35-40. Kuala Lumpur: ISTAC.Hlm. 40

TIGA BENTUK KEKELIRUAN FAHAM ALAM DALAM SEJARAH BARAT

Telah diuraikan sebelum ini tentang bentuk kekeliruan terhadap faham alam berdasarkan pandangan al-Attas hasil analisis beliau ke atas sejarah Barat. Jika teliti sejarah Barat, kita dapat melihat akan perubahan faham alam mereka daripada satu bentuk kekeliruan kepada satu bentuk kekeliruan yang lain. Perbandingan bentuk kekeliruan-sejarah Barat ini dirumuskan seperti berikut:

- a) Golongan yang terpegun dengan keajaiban alam (*struck by awe of the signs*) lalu bertindak menyembahnya. Golongan ini dapat dilihat dalam sejarah Barat pada zaman Olimpik Dunia Lama (*Olympian age of Antiquity*) yang mana masyarakat di zaman itu melihat alam sebagai dewa-dewi atau mempunyai hubungan dengan dewa-dewi. Kekudusan alam dalam faham mereka ini menyebabkan mereka menyembah alam dan menghormati alam.
- b) Golongan yang mencari tuhan, namun terjerumus ke suatu lembah ekstrim dengan menolak dunia ini (*seeking God, yet demean and abjure His signs*). Golongan ini dapat dilihat di zaman agama Kristian berjaya merumus dan memantapkan kedudukan sebagai agama rasmi bagi Kerajaan Romawi dan Barat. Gereja melihat alam atau Kerajaan Alam (*Kingdom of Nature*) ini hanyalah suatu benda fizikal-material yang tidak mempunyai hubungan kerohanian dengan Tuhan, lalu menyebabkan alam ini dilihat sebagai sesuatu yang hina dan sebagai penghalang untuk mencapai kerohanian.

PENSEKULARAN ALAM

Faham alam berdasarkan pandangan alam Barat telah didasari dengan faham sekular. Suatu rancangan falsafah yang dikenali sebagai pensekuleran telah dan sedang berlaku di Barat. Sekularisasi didefinisikan sebagai:

“first from religious and then from metaphysical control over his reason and his language”²³.

Huraian lanjutnya:

“the losing of the world from religious and quasi-religious understandings of itself, the dispelling of all closed world views, the breaking of all supernatural myths and sacred symbols... the ‘defatalization of history’, the discovery by man that he has been left with the world on his hands, that he can no longer blame fortune or the furies for what he does with

²³ Diterjemahkan sebagai: “Pembebasan manusia (mulanya) daripada kawalan keagamaan (dan kemudiannya) kawalan metafizik terhadap aqal dan bahasanya”.

it...; [it is] man turning his attention away from the worlds beyond and toward this world and this time^{24, 25}

Unsur-unsur utama (*integral components*) atau ciri-ciri dalam pensekularan yang dirumuskan oleh al-Attas adalah *disenchantment of nature*, *desacralization of politics* dan *deconsecration of values*. Pensekularan alam yang dimaksudkan di sini adalah *disenchantment of nature* (pengosongan makna-makna kerohanian daripada alam tabii).

Istilah dan konsep ini dipinjam daripada seorang pakar sosiologi German iaitu Max Weber yang memetikinya daripada Friedrich Schiller (istilah lain yang digunakan Weber adalah perasionalan atau *rationalization*). Konsep ini membawa makna “pembebasan alam tabii daripada tafsiran keagamaan” yakni pemisahan alam tabii daripada makna rohaniah agar manusia boleh memperlakukannya sesuka hati dan menggunakannya seperti yang diperlukan dan dirancangan demi mencipta perubahan sejarah dan ‘pembangunan’.²⁶

Pensekularan alam tabii ini merupakan suatu bentuk pengosongan makna dan unsur kerohanian pada alam. Pengosongan makna dan unsur kerohanian ini menyebabkan alam dilihat sebagai benda semata-mata (*material*). Al-Attas menjelaskan tentang ciri *disenchantment of nature*:

“pengosongan alam tabii dari jiwa atau nyawa atau dewa-dewa, atau sebarang kesimpulan yang merujuk kepada perkara rohani; ya’ni pengusiran dari dalam akal dan tanggapan fikiran terhadap segala faham yang merujuk kepada adanya dalam alam tabii itu nyawa atau jiwa atau dewa-dewa, atau sebarang ma’na yang membawa kesimpulan rohani, sehingga alam tabii itu terlihat hanya sebagai merupakan benda belaka, tanpa lain-lain ma’na”.²⁷

Pengosongan makna dan unsur kerohanian terhadap faham alam ini secara tidak langsung menyebabkan suatu faham kononnya alam tabii tidak mempunyai hubungan kerohanian atau metafizik dengan Tuhan. Faham sekular melihat, kefahaman alam itu ‘suci’ (*divine entity*) akan menyebabkan perkembangan sains ‘moden’ terhalang selain membantutkan juga proses urbanisasi. Oleh itu, penyingkiran nilai kesucian-kerohanian pada alam tabii akan memberi ruang kepada manusia untuk melakukan apa sahaja terhadap alam

²⁴ Diterjemahkan sebagai: “Usaha membebaskan dunia daripada kefahaman yang bersifat keagamaan dan separa keagamaan; menghapuskan kesemua pandangan hidup yang bersifat muktamad, membinasakan kesemua mitos atau dongeng ghaib dan simbol-simbol kudus; defatalisasi sejarah; penemuan oleh manusia yang dia telah ditinggalkan dengan dunia di tangannya sendiri, bahawa dia tidak boleh lagi mempersalahkan Nasib mengenai apa yang dilakukannya terhadap dunia; pensekularan adalah keadaan manusia memalingkan perhatiannya daripada alam akhirat kepada alam dunia pada masakini”. Terjemahan adalah dalam Mohd. Sani Badron. 1997. *Islam dan Sekularisme* (dalam al-Hikmah, Bil. 1 (3) 35-40. Kuala Lumpur: ISTAC. Hlm. 38

²⁵ Harvey Cox. 1965. *The Secular City*. Hlm. 2 dan 17 (dalam al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2014. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: IBFIM. Hlm. 17)

²⁶ al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2014. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: IBFIM. Hlm. 18

²⁷ al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2019. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Ta’dib International. Hlm. 196-197

tanpa rasa curiga atau takut, kononnya atas alasan untuk mencipta ‘perubahan bermakna dalam sejarah dan pembangunan’.²⁸ Penyelewengan ini telah dihuraikan oleh al-Attas:

“pada pengosongan alam tabii dan akal insani dari sebarang ma’na rohani, sehingga memperisahkan alam tabii itu dari Tuhan, dan membezakannya dari insan, agar dapat kononnya insan menilikinya bukan lagi sebagai alam yang mempunyai hubungan ma’nawi dengan Tuhan, nescaya dapat dia seterusnya bebas berleluasa mempergunakan alam itu menurut kehendak rencana serta keperluannya. Dengan demikian pula dapat dia mewujudkan perubahan sejarah yang membawa ‘perkembangan’ dan ‘pembangunan’.”²⁹

Salah satu kesan daripada pensekularan alam ini adalah kemunculan faham saintisme. Saintisme (*scientism*) adalah sebuah ideologi yang berbahaya dan merupakan sesuatu yang bertentangan dengan Budaya Ilmu Islam. Ideologi ini mempunyai kaitan dengan beberapa pembawaan atau anutan lain yang lahir dan membiak serta bercambah dalam Peradaban (atau yang lebih tepat adalah “Kebudayaan”) Barat Moden misalnya *materialism*, *physicalism* dan *reductionism* serta yang lain-lain. Ideologi-ideologi ini adalah merupakan pelbagai segi pensekularan sebagai “suatu rancangan falsafah” (*secularization as a philosophical program*). Segi, lapisan dan bahagian zahir pada alam pada asasnya merujuk kepada dua perkara iaitu:

- i. materi (*māddah* atau *matter*)
- ii. sifat-sifat yang lazim pada materi (*lawāzim al-māddah* atau *material properties or concomitants*)

Faham segi, lapisan dan bahagian zahir pada alam ini sabit dan diakui sebagai sebahagian daripada Tradisi Keilmuan Islam. Faham ini juga merupakan anutan ideologi saintisme. Walaubagaimanapun, jurang yang menjadi perbezaan antara faham alam dalam tradisi keilmuan Islam dan saintisme di sini adalah seperti berikut:

- Tradisi Keilmuan Islam: Segi, lapisan dan bahagian zahir alam bukanlah satu-satunya segi, lapisan dan bahagian alam. Bahagian zahir alam ini juga bukanlah satu-satunya alam yang wujud bahkan hanyalah sebahagian. Hal ini kerana dalam Tradisi Keilmuan Islam, sekurang-kurangnya terdapat dua peringkat, atau segi bagi alam semesta iaitu segi yang kelihatan pada tanggapan inderawi insan (*‘alam al-mulk wa al-shahādah*) dan segi yang tersembunyi daripada tanggapan inderawi insan (*‘alam al-malakūt wa al-ghaib*). Menurut para ilmuwan dan tokoh tasawwuf yang tersohor, terdapat suatu lagi alam antara kedua-dua alam ini iaitu *‘alam al-mithāl* yang dalam perbincangan ilmu usuluddin dikenali sebagai *barzakh*.
- Saintisme: Segi, lapisan dan bahagian zahir alam adalah satu-satunya segi, lapisan dan bahagian alam. Bahagian zahir alam ini juga adalah satunya-satunya bahagian yang

²⁸ Wan Azhar Wan Ahmad. 2001. *Gagasan Sekularisasi Harvey Cox: Satu Pembicaraan Awal Berdasarkan Pengamatan al-Attas* (dalam al-HIKMAH, Bil. 2 (7) 2-10). Kuala Lumpur: ISTAC. Hlm. 5-6

²⁹ al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2019. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Ta’dib International. Hlm. 198.

wujud. Ideologi ini juga beranggapan sains tabii sahaja yang layak dianggap sebagai ilmu, serta sebagai neraca dan piawaiian bagi cabang-cabang ilmu yang lain.³⁰

Dalam suatu artikel oleh Nasrin Nasir, beliau telah mengupas tentang kosmologi secara perbandingan antara kosmologi dalam al-Quran dengan kosmologi Barat. Perbezaan pandangan ini dirumuskan oleh beliau:


- i. Perbincangan kosmologi Barat tidak melibatkan perbahasan makna (*meaning*) kosmos dan keterhubungan (*relevance*) kosmos dengan hidup manusia dalam sistem kewujudan ini.
- ii. Kosmologi Barat tidak mempunyai sistem aturan (*hierarchy*). Berbeza dengan kosmologi Islam yang melihat alam ini adalah suatu sistem aturan yang merupakan cerminan Pencipta (*self-disclosures of God*).
- iii. Pandangan kosmologi Barat adalah bersandarkan instrumen dan perkiraan matematik yang kompleks.
- iv. Kosmologi Islam melihat titik permulaan kosmos itu adalah Tuhan. Berbeza dengan kosmologi Barat yang melihat titik permulaan kosmos itu dengan mempercayai kosmos itu adalah dunia fizikal.
- v. Secara amnya, kosmologi Barat adalah berdasarkan fizikaliti (*physicality*) manakala kosmologi Islam berdasarkan kerohanian (*spirituality*).³¹

PENUTUP

Usaha untuk memahami pandangan alam Barat ini perlu diiringi dengan penelitian ke atas sejarah Barat itu sendiri. Hal ini kerana sifat pandangan alam Barat itu sendiri yang banyak berubah-ubah dan ‘berkembang’ (*evolve*) dari suatu zaman ke zaman yang lain. Sejarah Barat dapat dibahagikan kepada empat zaman bagi mengenal pasti faham alam mereka berdasarkan zaman masing-masing. Al-Attas telah menjelaskan setiap bentuk kefahaman tersebut berdasarkan zaman masing-masing.

³⁰ Zaidi B. Ismail. 2007. *Perihal Alam Semesta Sebagai Kitab Kejadian Dan Kesan Ilmiahnya Pada Hala-Tuju Sains Tabii: Suatu Liputan Ringkas Menurut Rencana Pemikiran al-Attas* (dalam Jurnal AFKAR, Bil. 8, 83-140). Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm. 90-92.

³¹ Mohamad Nasrin Nasir. 2015. *An Analysis on Cosmology in the West and In the Malay World* (dalam International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN), Bil. 3 (3) 95-106). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 100



Rajah 1 (Kosmologi berdasarkan pandangan alam Barat dan zaman yang berkaitan)

Kosmologi berdasarkan pandangan alam Barat ini telah memberi pelbagai kesan kepada orang Barat sendiri serta kepada ekosistem dunia itu sendiri. Fahaman alam kerangka Barat ini menyebabkan kemunculan fahaman-fahaman baharu hasil daripada proses penskularan sebagai “suatu rancangan falsafah” (*secularization as a philosophical program*). Antara fahaman-fahaman baharu itu adalah *saintisme*, yang melihat bahawa kosmos yang wujud ini hanyalah terdiri daripada segi, lapisan dan bahagian zahir semata-mata.

Pengosongan makna-makna kerohanian daripada alam ini menyebabkan berlakunya pengeksploitan alam atas nama ‘perkembangan’ dan ‘pembangunan’. Eksploitasi alam ini telah menatijahkan pelbagai mudharat antaranya pencemaran alam sekitar dan ancaman terhadap habitat haiwan. Selain itu, pengosongan makna-makna kerohanian daripada alam ini juga membuahkan kefahaman yang memisahkan alam daripada Tuhan.

Oleh itu, umat Islam perlu berwaspada dengan bentuk-bentuk kekeliruan fahaman alam ini. Antara langkah yang boleh diusahakan bagi memelihara umat Islam daripada kekeliruan ini adalah melalui proses pendidikan Islam. Kerangka pandangan alam Islam perlu didedahkan kepada para pelajar baik di pusat pengajian rendah, menengah, mahupun tinggi agar mereka dapat mengenal pasti fahaman alam menurut kerangka yang sebenar iaitu menurut Islam. Karya al-Attas, *Islam and Secularism* ini juga perlu ditekuni oleh umat Islam mengikut kadar masing-masing bagi memahami kerangka pandangan alam yang bukan Islam.

Rujukan

- Aminuddin Ruskam. 1999. *Konsep Kosmologi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2014. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2014. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2019. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Bertrand Russell. 1945. *The History of Western Philosophy*. New York: Simon and Schuster.
- Joko Siswanto. 2005. *Orientasi Kosmologi*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Kamus Dewan* Edisi Ke-4. 2019. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Nasrin Nasir. 2015. *An Analysis on Cosmology in the West and In the Malay World* (dalam *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, Bil. 3 (3) 95-106). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Sani Badron. 1997. *Islam dan Sekularisme* (dalam *al-Hikmah*, Bil. 1 (3) 35-40). Kuala Lumpur: ISTAC.
- Muhammad Bayshar. 1973. *al-Falsafah al-Yunāniyyah: Muqaddimāt wa Mazāhib*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Osman Bakar. 2016. *Qur'anic Pictures of the Universe: The Scriptural Foundations of Islamic Cosmology*. Selangor: Islamic Book Trust.
- Wan Azhar Wan Ahmad. 2001. *Gagasan Sekularisasi Harvey Cox: Satu Pembicaraan Awal Berdasarkan Pengamatan al-Attas* (dalam *al-HIKMAH*, Bil. 2 (7) 2-10). Kuala Lumpur: ISTAC.
- Zaidi B. Ismail. 2007. *Perihal Alam Semesta Sebagai Kitab Kejadian Dan Kesan Ilmiahnya Pada Hala-Tuju Sains Tabii: Suatu Liputan Ringkas Menurut Rencana Pemikiran al-Attas* (dalam *Jurnal AFKAR*, Bil. 8, 83-140). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.